



Charoen Pokphand Group

TATAKELAKUAN



ETIKA KITA
KELAKUAN KITA

DEFINISI

RAKAN NIAGA

Kerjasama di antara dua atau lebih daripada dua perniagaan.

PERSAMAAN TUNAI

Barangan yang mempunyai nilai wang atau yang boleh ditukar kembali kepada wang seperti kad hadiah atau bawcar, saham, bon, dll.

KUMPULAN SYARIKAT CHAROEN POKPHAND ATAU KUMPULAN CHAROEN POKPHAND

Charoen Pokphand Group Co., Ltd dan syarikat-syarikat yang sahamnya dipegang oleh Charoen Pokphand Group Co., Ltd., secara langsung dan juga tidak langsung.

SYARIKAT DI DALAM KUMPULAN CHAROEN POKPHAND ATAU SYARIKAT/SYARIKAT-SYARIKAT KUMPULAN C.P.

Syarikat-syarikat yang sahamnya dipegang oleh Charoen Pokphand Group Co., Ltd., secara langsung dan juga tidak langsung.

PENGARAH

Pengarah Charoen Pokphand Group Co., Ltd; dan syarikat-syarikat di dalam Kumpulan Charoen Pokphand

WARGA KERJA

Semua pengurusan dan kakitangan merangkumi warga kerja sepenuh masa, sambilan, dan kontrak khas Charoen Pokphand Group Co., Ltd; dan syarikat-syarikat di dalam Kumpulan Charoen Pokphand.

KELUARGA DAN SAUDARA TERDEKAT

Bapa, ibu, adik-beradik, pasangan suami/isteri, anak, anak angkat, menantu lelaki/perempuan.

USAHA SAMA

Syarikat-syarikat yang ditubuhkan oleh Charoen Pokphand Group Co., Ltd. dan/atau syarikat-syarikat di dalam Kumpulan Charoen Pokphand dengan syarikat/syarikat-syarikat pihak ketiga, serta syarikat-syarikat yang mempunyai kawalan pengurusan oleh Charoen Pokphand Group Co., Ltd.

PENGURUSAN

Pengurusan Charoen Pokphand Group Co., Ltd; dan syarikat-syarikat di dalam Kumpulan Charoen Pokphand.

SYARIKAT INDUK

Charoen Pokphand Group Co., Ltd.

KAKITANGAN

Warga kerja di bawah peringkat pengurusan dalam Charoen Pokphand Group Co., Ltd; dan syarikat-syarikat di dalam Kumpulan Charoen Pokphand.

PEMEGANG KEPENTINGAN:

- Warga kerja;
- Pelanggan dan Pengguna;
- Pembekal;
- Rakan Niaga;
- Pemegang Saham dan Pelabur ;
- Komuniti dan Masyarakat;
- Kerajaan;
- Pertubuhan Bukan Kerajaan ;
- Media;
- Pesaing; dan
- Pemiutang.

PEMBEKAL

Vendor, pengedar, subkontraktor, penyedia perkhidmatan, pemberi pajak, atau pemilik produk dan perkhidmatan sewa beli.



CONTENTS

SURAT DARIPADA PENERUS KANAN	2
TANGGUNGJAWAB PENGARAH DAN WARGA KERJA	3
1. INTEGRITI	4
1.1 MENGEKALKAN KONFLIK KEPENTINGAN	6
1.2 MENEGAH PENIPUAN, SOGOKAN DAN RASUAH	8
1.3 MENANGANI HADIAH DAN HOSPITALITI	10
1.4 MENYOKONG PERSAINGAN YANG ADIL	12
1.5 MENGEKALKAN KETELUSAN	14
2. KUALITI	16
2.1 MENYEDIAKAN PRODUK DAN PERKHIDMATAN YANG BERKUALITI	18
2.2 MENGGUNAKAN SUMBER SECARA LESTARI	20
2.3 PENYUMBERAN YANG BERETIKA	22
2.4 PENJUALAN DAN PEMASARAN DENGAN BERTANGGUNGJAWAB	24
3. INSAN	26
3.1 MENGGALAKKAN SIKAP SALING MENGHORMATI DAN PERLUKUAN YANG ADIL	28
3.2 MENYOKONG PELUANG SAMA RATA, KEPELBAGAIAN DAN KETERANGKUMAN	30
3.3 MELINDUNGI MAKLUMAT PERIBADI	32
3.4 MEMASTIKAN TEMPAT KERJA YANG SELAMAT DAN SIHAT	34
4. ASET	36
4.1 MENYUSUN MAKLUMAT SYARIKAT	38
4.2 DAGANGAN DALAM SEKURITI	40
4.3 MENEGAH PENGUBAHAN WANG HARAM	42
PENALTI	44
BERSAMA-SAMA MELINDUNGI REPUTASI KITA	44
POLISI DAN GARIS PANDUAN KUMPULAN CHAROEN POKPHAND	45
HUBUNGI KAMI	46
SURAT PENGAKUAN DAN KEPATUHAN	47





Perniagaan Kumpulan Charoen Pokphand dijalankan berlandaskan integriti dan kejujuran. Sepanjang tempoh hampir seabad, kita secara konsisten telah menyediakan produk dan perkhidmatan yang berkualiti, mengamalkan sikap jujur kepada pelanggan, dan menjaga kebajikan warga kerja dengan baik. Dalam tempoh tersebut, perniagaan kita telah berkembang pesat menjadi salah satu jenama global yang paling dikenali dan dipercayai oleh para pengguna, rakan niaga dan juga pemegang kepentingan.

Kini, Kumpulan Charoen Pokphand adalah sebuah konglomerat multinasional yang beroperasi di 20 buah negara di seluruh dunia dan mempunyai lebih daripada 300,000 orang warga kerja. Selain daripada mempunyai nilai integriti dan kejujuran yang sama, kita juga terdiri daripada kepelbagaian bangsa dan budaya. Justeru itu, kita memerlukan Tatakelakuan bertulis yang mencerminkan standard kita seiring dengan nilai integriti dan kejujuran, kerana dengan cara ini, kita dapat memupuk kesedaran di kalangan semua pengarah dan warga kerja, serta menyampaikan kepada mereka tentang nilai-nilai organisasi supaya cara pemahaman dan tindakan kita adalah sejajar antara satu sama lain. Tatakelakuan dapat menyemai budaya korporat yang baik dan kepatuhan kita terhadap undang-undang dan peraturan negara-negara di mana kita menjalankan operasi perniagaan, serta memaklumkan kepada semua pemegang kepentingan tentang Tadbir Urus Korporat Kumpulan Charoen Pokphand.

"Tatakelakuan" adalah dokumen yang amat penting, dan semua pengarah dan warga kerja haruslah bersama-sama berusaha melaksanakan dan mengamalkannya, agar kita, sebagai Kumpulan Charoen Pokphand akan kekal teguh dan kukuh mengorak langkah ke arah masa hadapan sebagai peneraju bertaraf dunia yang melaksanakan amalan terbaik.

Dhanin Chearavanont

Pengerusi Kanan
Kumpulan Charoen Pokphand

SURAT DARIPADA PENGERUSI KANAN

Tatakelakuan adalah satu himpunan standard amalan terbaik yang mantap, yang perlu didukung oleh semua pengarah, pengurusan dan kakitangan, dan ianya juga turut berfungsi untuk mencegah amalan negatif yang boleh mencemarkan organisasi. Tatakelakuan turut menggariskan harapan Kumpulan Charoen Pokphand terhadap para pengarah dan warga kerja agar mematuhi undang-undang dan peraturan, serta polisi dan garis panduan organisasi.

Jabatan Tadbir Urus Korporat Charoen Pokphand Group Co., Ltd. bertanggungjawab untuk menggalakkan dan menguatkuasakan Tatakelakuan ini, di samping memantau, menyemak semula dan mengemaskinikan Tatakelakuan agar seiring dengan keadaan semasa. Walau bagaimanapun, adalah menjadi tanggungjawab bersama untuk memastikan bahawa Tatakelakuan ini tidak dianggap hanya sebagai dokumen, tetapi sebaliknya diadaptasi dan diamalkan oleh semua dalam menjalankan tugas harian mereka.

Pengarah, pengurusan dan kakitangan semua syarikat di dalam Kumpulan Charoen Pokphand perlu mematuhi Tatakelakuan ini. Syarikat tersenarai dan syarikat usaha sama harus mempertimbangkan Tatakelakuan ini dan meneladani agar sesuai dengan jenis perniagaan, dengan proses kelulusannya dilaksanakan selaras dengan prinsip Tadbir Urus Korporat setiap syarikat.


ETIKA KITA, TATAKELAKUAN KITA:



- Menggariskan harapan mengenai standard perilaku di semua syarikat dalam kumpulan
- Memberikan panduan bagaimana berfikir dan bertindak dalam situasi yang sering dihadapi yang boleh menguji etika kita
- Menunjukkan bagaimana dan di mana anda boleh mendapatkan maklumat dan panduan
- Memperlengkapkan polisi dan garis panduan Kumpulan Charoen Pokphand



TANGGUNGJAWAB PENGARAH DAN WARGA KERJA



1 INTEGRITI

Kumpulan Charoen Pokphand amat komited untuk menjalankan perniagaan dengan penuh integriti di mana jua kita berada. Prinsip ini menjadi penghubung yang menyatukan keseluruhan Kumpulan Charoen Pokphand – dahulu, kini dan pada masa hadapan.

Demi memastikan integriti kita kekal utuh, kita bergantung kepada setiap pengarah, ahli pengurusan dan kakitangan untuk melaksanakan pertimbangan yang wajar dan mengekalkan standard etika yang tinggi dalam tugas harian. Sebarang pelanggaran undang-undang atau tindakan berkaitan yang dianggap bertentangan dengan semangat integriti, berpotensi memudaratkan syarikat dari segi ekonomi dan reputasi.

Adalah sukar untuk kumpulan perniagaan seperti kita yang mempunyai skala, kekompleksan serta kehadiran yang luas untuk dilihat dan dihargai sebagai warga korporat yang patut dicontohi. Satu kesilapan dari segi integriti – samada ianya benar-benar berlaku atau hanyalah andaian semata-mata - boleh mencemarkan reputasi keseluruhan perniagaan kita. Demi mengelakkan situasi sedemikian, kami berhasrat untuk memberikan bimbingan kepada semua pengarah dan warga kerja Kumpulan Charoen Pokphand agar mereka mengetahui bagaimana menerapkan kebertanggungjawapan peribadi demi melindungi integriti perniagaan .


APAKAH YANG MERANGKUMI BAHAGIAN INI?

- Bagaimana mengenal pasti dan mengelakkan situasi yang mungkin menimbulkan konflik di antara kepentingan peribadi dan kepentingan Kumpulan Charoen Pokphand
- Bagaimana mencegah sogokan dan rasuah dalam Kumpulan Charoen Pokphand
- Bagaimana memastikan bahawa keputusan adalah bebas dari kemungkinan pengaruh negatif
- Bagaimana menyumbang dan menyokong prinsip perusahaan bebas dan persaingan adil yang dipegang oleh Kumpulan Charoen Pokphand
- Bagaimana memastikan maklumat perniagaan Kumpulan Charoen Pokphand sentiasa tepat dan telus

Sebagai pengarah, pengurusan dan kakitangan Kumpulan Charoen Pokphand, kita semua mempunyai kewajipan untuk bertindak demi kepentingan syarikat kita dan mengelak daripada meraih keuntungan untuk diri kita sendiri atau orang lain dengan menyalahgunakan jawatan kita dalam Kumpulan Charoen Pokphand.

Kadang kala aktiviti peribadi, keluarga, kewangan atau politik mungkin menimbulkan konflik, sama ada konflik yang sebenar, atau anggapan atau kemungkinan berpotensi berlakunya konflik, untuk memenuhi tanggungjawab kita kepada syarikat. Apabila perkara ini berlaku, setiap individu hendaklah membuat pertimbangan yang teliti. Meskipun mustahil untuk menyenaraikan semua senario yang mungkin berlaku situasi seperti itu, potensi konflik lazimnya muncul apabila peranan atau kepentingan peribadi wujud dalam situasi berikut:

- Memegang pelaburan yang mewakili kepentingan besar dalam pesaing, pembekal atau pelanggan Kumpulan Charoen Pokphand
- Memilih, menilai atau berunding dengan pembekal
- Berurusan dengan pelanggan dan keputusan pembelian mereka
- Mempertimbangkan sama ada untuk menerima, dalam kapasiti peribadi, jawatan pengarah atau peranan yang sama dalam organisasi lain, atau persatuan perdagangan
- Memegang peranan awam



1.1 MENGELAKKAN KONFLIK KEPENTINGAN

Apakah 'konflik kepentingan'?

Situasi apabila pengarah, ahli pengurusan atau kakitangan boleh meraih manfaat peribadi daripada tindakan atau keputusan yang dibuat oleh mereka dalam kapasiti profesional mereka.

APAKAH YANG PATUT SAYA LAKUKAN?

✓ Patut Dilakukan

- Mengisytiharkan potensi konflik kepentingan kepada Jabatan Pematuhan syarikat anda
- Memaklumkan pengurus anda atau Jabatan Pematuhan syarikat jika ahli keluarga adalah seorang penjawat awam, yang mungkin menimbulkan konflik kepentingan
- Meminta bantuan daripada pengurus anda atau Jabatan Pematuhan syarikat jika anda tidak pasti sama ada wujudnya konflik atau tidak

✗ Tidak Patut Dilakukan

- Memanfaatkan peranan anda di syarikat untuk kepentingan peribadi, kelebihan atau keuntungan langsung/tidak langsung
- Membiarkan orang lain membuat andaian tentang kewujudan konflik kerana anda teragak-agak untuk mengisytiharkan potensi konflik peribadi, keluarga atau politik
- Mengambil pekerjaan atau peranan di luar Kumpulan Charoen Pokphand yang mungkin menimbulkan konflik tanpa mendapatkan kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Jabatan Pematuhan syarikat

Peringatan penting

Bukan hanya ada satu cara sahaja untuk mengenal pasti konflik: Sentiasa pastikan anda boleh membezakan antara insentif peribadi dan insentif profesional. Jika anda tidak boleh berbuat demikian, fikir dua kali sebelum membuat keputusan perniagaan. Sekiranya anda rasa ragu-ragu, minta panduan daripada Jabatan Pematuhan syarikat anda, dan baca Polisi dan Garis Panduan Konflik Kepentingan Kumpulan Charoen Pokphand untuk maklumat lanjut.



MAKLUMAT LANJUT

Apakah tanda-tanda amaran tentang konflik kepentingan ?

Jika jawapan anda kepada mana-mana soalan di bawah adalah YA, anda mungkin berhadapan dengan situasi konflik kepentingan.

- Adakah apa-apa manfaat peribadi, kewangan atau politik bakal diberikan jika anda membuat keputusan tertentu dalam kapasiti anda sebagai pengarah, ahli pengurusan atau kakitangan Kumpulan Charoen Pokphand?
- Pernahkah anda menerima manfaat peribadi, kewangan atau politik sebagai balasan untuk membuat sesuatu keputusan atau untuk mempengaruhi proses membuat keputusan dalam Kumpulan Charoen Pokphand?
- Adakah anda sendiri bakal meraih manfaat disebabkan penglibatan anda dalam organisasi atau perusahaan luar melalui akses, maklumat atau pengaruh anda di dalam Kumpulan Charoen Pokphand?

Anda juga boleh merujuk kepada Polisi dan Garis Panduan Konflik Kepentingan Kumpulan Charoen Pokphand untuk maklumat lanjut atau hubungi Jabatan Pematuhan syarikat anda dengan segera untuk mendapatkan panduan lanjut.

BAGAIMANA JIKA?

S: Anda ditugaskan untuk mengetuai projek baharu dengan rakan niaga baharu di mana syarikat suami/isteri anda bekerja. Memandangkan suami/isteri anda tidak terlibat dalam projek tersebut atau sebarang rundingan, anda berpendapat bahawa anda tidak perlu memaklumkan perkara ini. Adakah ini tindakan yang betul?

J: Tidak. Situasi ini boleh ditafsirkan sebagai konflik kepentingan dan anda haruslah mengisytiharkannya dari awal kepada pengurus anda atau Jabatan Pematuhan syarikat untuk mengelakkan masalah pada masa hadapan. Mereka juga boleh memberikan nasihat mengenai penyesuaian yang mungkin perlu dilakukan terhadap tanggungjawab pekerjaan anda jika perlu.

atau

S: Seorang ahli keluarga meminta anda mengesyorkan nama mereka untuk kontrak pembekal baharu di Kumpulan Charoen Pokphand. Adakah ini tindakan yang betul?

A: Jika anda mengesyorkan sesiapa jua untuk dilantik sebagai pembekal, ianya haruslah berdasarkan merit kerja mereka dan bukan sebagai satu pertolongan. Ini bagi memastikan proses pemilihan yang adil. Anda juga perlu menarik diri daripada proses pemilihan untuk mengelakkan sebarang konflik kepentingan.

Kumpulan Charoen Pokphand tidak menawarkan, menerima, atau menuntut, sama ada secara langsung atau tidak langsung, kelebihan yang tidak wajar untuk keuntungan perniagaan, peribadi atau kewangan. Di keseluruhan operasi, sama ada swasta atau awam, kita menerapkan polisi toleransi sifar terhadap penipuan, sogokan dan rasuah. Dalam erti kata lain, kita tidak mencuri daripada syarikat dan tidak memberi atau menerima sogokan.

Penipuan boleh berlaku di mana-mana jabatan dalam perniagaan kita, maka, amat penting kita semua perlu membantu untuk mencegah walau satu kejadian sekalipun daripada berlaku, atau, lebih membimbangkan, ianya menular menjadi satu budaya penipuan dan salah laku.

Sebaliknya, sogokan dicegah dalam semua urusan perniagaan kita dan terutamanya apabila berurusan dengan penjawat awam. Sebagai sebuah syarikat induk swasta, kita mematuhi semua undang-undang dan peraturan kebangsaan dan antarabangsa, berkenaan dengan pembayaran yang wajar. Kita juga menuntut supaya rakan niaga, termasuk rakan usaha sama, pembekal, kontraktor, wakil, pengedar dan ejen mematuhi prinsip anti-sogokan yang sama dengan menetapkan klausa yang berkenaan dalam kontrak perniagaan.



1.2 MENCEGAH PENIPUAN, SOGOKAN DAN RASUAH

Apakah sogokan dan rasuah? Apakah perbedaannya berbanding dengan penipuan?

Istilah sogokan dan rasuah biasanya digunakan dengan saling bertukar ganti, dan lazimnya merujuk kepada tindakan memberi, memudahkan atau menjanjikan manfaat kepada pihak lain sebagai imbalan / ganjaran atas keuntungan yang menyalahi undang-undang - biasanya dalam konteks mendapatkan kontrak perniagaan sama ada daripada sektor awam atau swasta.

Sebaliknya, penipuan pula biasanya merujuk kepada tindakan kecurian atau kemudaratan jenayah oleh mana-mana pengarah atau warga kerja terhadap syarikat, yang mengakibatkan syarikat kehilangan barangan atau kerugian nilai kewangan, sama ada secara langsung atau tidak langsung. Ini merangkumi situasi mulai dari penjualan yang tidak direkodkan dalam mesin daftar tunai hingga penyalahgunaan syarikat untuk keuntungan peribadi.

APAKAH YANG PATUT SAYA LAKUKAN?

✓ Patut Dilakukan

- Menolak semua percubaan atau cadangan untuk melakukan sogokan
- Melaporkan kepada Jabatan Pematuhan syarikat anda dengan serta-merta mengenai sebarang percubaan atau cadangan untuk melakukan sogokan
- Ingat bahawa sogokan tidak semestinya bererti urusan niaga tunai - sentiasa berwaspada terhadap sebarang percubaan untuk mempengaruhi keputusan anda

Peringatan penting

Memberi atau menerima sogokan dan pembayaran lain kepada atau daripada pembekal, pelanggan atau pihak ketiga lain bagi tujuan mendapatkan kelebihan perniagaan bukan sahaja tidak beretika, malah menyalahi undang-undang.



✗ Tidak Patut Dilakukan

- Membiarkan diri anda terjebak dalam situasi di mana anda seolah-olah mengambil atau sanggup mengambil atau memudahkan sogokan
- Bertanya, meskipun secara andaian, mengenai sogokan atau pembayaran tidak wajar yang lain - ini akan menimbulkan curiga tentang diri anda tidak kiralah apa niat sebenar anda
- Menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa jua yang bernilai kepada pegawai kerajaan yang melebihi jumlah atau amalan yang sah di negara tersebut

MAKLUMAT LANJUT

Apakah akibatnya jika anda menerima sogokan?

Sogokan adalah tindakan jenayah dengan hukuman yang khusus seperti yang ditakrifkan oleh setiap bidang kuasa di mana tindakan tersebut berlaku. Hukuman dikenakan terhadap tindakan menawarkan, memudahkan atau menerima sogokan bukan sahaja pada peringkat individu, malah juga terhadap organisasi yang terlibat. Untuk maklumat lanjut mengenai bagaimana undang-undang ini dikenakan dalam pasaran anda, hubungi pasukan undang-undang syarikat anda. Anda juga boleh merujuk kepada Polisi dan Garis Panduan Anti Sogokan & Anti Rasuah Kumpulan Charoen Pokphand untuk maklumat lanjut.

BAGAIMANA JIKA?

- **S: Proses pengimportan yang biasa mengambil masa yang lama untuk diselesaikan. Anda mempunyai keperluan mendesak agar barangan tertentu dilepaskan dengan segera supaya tidak melambatkan proses pengeluaran. Menurut adat tempatan, pembayaran pemudahan akan membantu mempercepatkan proses ini. Adakah ini boleh dilakukan?**
- A: Tidak. Pemberian pembayaran pemudahan untuk mempercepatkan proses adalah pelanggaran Polisi dan Garis Panduan Anti-Sogokan dan Anti-Rasuah Kumpulan Charoen Pokphand. Hubungi Jabatan Pematuhan syarikat anda untuk maklumat lanjut.



Perhubungan teguh yang terjalin dengan pihak luar adalah penting untuk kejayaan perniagaan kita. Perhubungan ini hendaklah dibina dengan cara yang betul dan bermanfaat serta dengan menghormati antara satu sama lain.

Hospitaliti boleh membantu mewujudkan persefahaman yang lebih mendalam dengan pelanggan, pembekal dan pihak ketiga lain; dalam sesetengah negara, penawaran hospitaliti adalah suatu perkara yang lazim. Walau bagaimanapun, penawaran atau penerimaan hospitaliti atau hadiah tidak boleh berlebihan atau kelihatan berlebihan. Lebih penting, hospitaliti dan hadiah tidak boleh mempengaruhi keputusan perniagaan.

Jika ragu-ragu sama ada hadiah atau sesuatu bentuk hospitaliti mungkin mempengaruhi proses membuat keputusan, kita haruslah mencatat rasional/alasan untuk menjelaskan bagaimana hadiah tersebut memenuhi syarat-syarat seperti di bawah. Kenyataan bertulis ini hendaklah dikongsi dengan Jabatan Undang-Undang atau pematuhan:

1. Penerimaan tidak membawa kepada atau menyatakan suatu kewajipan di masa hadapan, atau menandakan suatu "ganjaran" untuk interaksi atau keputusan di masa lalu
2. Hadiah atau bentuk hospitaliti adalah berkadaran dari segi nilainya dengan jenis perhubungan di antara penerima dan pemberi



1.3

MENANGANI HADIAH DAN HOSPITALITI

APAKAH YANG PATUT SAYA LAKUKAN?

✓ Patut Dilakukan

- Memahami Polisi dan Garis Panduan Hadiah dan Manfaat Kumpulan Charoen Pokphand
- Menyemak garis panduan di negara anda mengenai adat tempatan yang sesuai dan sah bagi hadiah dan hospitaliti kepada pegawai kerajaan
- Menyediakan rekod bertulis jika anda menerima hadiah melebihi had wang tempatan tetapi anda perlu merimanya untuk mengelakkan daripada menyinggung perasaan rakan niaga/pegawai kerajaan – anda haruslah memaklumkan pengurus anda dan juga melaporkannya kepada Jabatan Pematuhan syarikat anda
- Menyimpan rekod peribadi sebarang hadiah yang diterima atau ditawarkan

✗ Tidak Patut Dilakukan

- Menawarkan atau menerima hadiah dalam bentuk wang tunai atau setara tunai
- Menawarkan atau menerima hadiah atau hospitaliti semasa proses tender
- Menawarkan atau menerima hadiah atau hospitaliti melalui orang tengah/pihak ketiga
- Menawarkan atau menerima hospitaliti yang melibatkan penginapan bermalam atau perjalanan ke luar negara sebelum mendapatkan kelulusan terlebih dahulu
- Meminta hadiah atau hospitaliti

Peringatan penting

Penawaran dan penerimaan hadiah dan hospitaliti perniagaan mestilah mematuhi Polisi dan Garis Panduan Hadiah dan Manfaat Kumpulan Charoen Pokphand dan mematuhi keperluan undang-undang tempatan dan adat tempatan.



BAGAIMANA JIKA?

S: Baru-baru ini, seorang rakan anda berjaya mengikat kontrak dengan syarikat anda, setelah anda memperkenalkannya, rakan anda telah menghantar hadiah kepada anda sebagai tanda terima kasih. Adakah anda boleh menerima hadiah tersebut?

J: Anda boleh menerima tanda penghargaan, selagi tanda itu sendiri tidak dianggap keterlaluan atau berlebihan menurut keadaannya. Walau bagaimanapun, adalah sangat penting untuk membaca dan mematuhi Polisi dan Garis Panduan Hadiah dan Manfaat Kumpulan Charoen Pokphand jika anda tidak pasti sama ada hadiah atau hospitaliti tersebut di luar had yang dibenarkan secara jelas oleh syarikat, selaras dengan undang-undang tempatan. Anda juga boleh mendapatkan nasihat daripada Jabatan Pematuhan syarikat anda.

• atau

S: Anda ditawarkan hadiah yang melebihi had kewangan tempatan, tetapi menurut adat tempatan, anda akan dianggap tidak sopan jika anda menolak pemberian tersebut. Apakah yang harus anda lakukan?

J: Di sesetengah negara, penerimaan hadiah merupakan satu tanda yang amat penting. Anda mungkin perlu menerima hadiah tersebut dan menyerahkan rekod bertulis kepada penyelia dan eksekutif kanan sebelum menghantarnya kepada sumber manusia untuk semakan dan tindakan lanjut. Rujuk kepada Polisi dan Garis Panduan Hadiah dan Manfaat Kumpulan Charoen Pokphand untuk maklumat lanjut.

Kumpulan Charoen Pokphand menyokong perusahaan bebas. Kami percaya pada persaingan yang adil yang memberikan penghargaan kepada peserta pasaran dan juga pelanggan. Oleh itu, kami mematuhi semua undang-undang persaingan yang adil di pasaran di mana kami beroperasi.

Undang-undang persaingan wujud untuk menggalakkan persaingan yang adil dan sihat. Undang-undang ini melarang:

- Perjanjian antara pesaing yang sama ada membawa kesan atau niat menetapkan, menstabilkan atau menaikkan harga atau margin keuntungan
- Perjanjian antara pesaing mengenai pembahagian pelanggan, produk atau kawasan pasaran
- Perjanjian dengan pesaing untuk mengurangkan pengeluaran atau output
- Penyelarasan atau peruntukan bidaan atau sebut harga



1.4

MENDUKUNG PERSAINGAN YANG ADIL

APAKAH YANG PATUT SAYA LAKUKAN?

✓ Patut Dilakukan

- Memastikan semak dan imbangan yang wajar dilaksanakan terhadap keputusan / tindakan penentuan harga dan bidaan dengan melengkapkan semua prosedur / dokumen syarikat yang berkenaan
- Memastikan wakil Kumpulan Charoen Pokphand berkongsi pendiriannya mengenai persaingan yang adil dengan mana-mana persatuan perdagangan atau industri yang anda sertai
- Merujuk Jabatan Pematuhan syarikat anda jika anda tidak pasti tentang sebarang amalan yang mungkin anti-persaingan
- Mengelakkan diri daripada menghubungi pesaing semasa proses bidaan, meskipun mereka adalah rakan anda

✗ Tidak Patut Dilakukan

- Meletakkan diri anda dalam situasi di mana orang lain mungkin salah anggap bahawa anda terlibat dalam perilaku anti-persaingan dengan pesaing
- Berkongsi penentuan harga atau terma-terma maklumat penjualan melalui pihak ketiga yang mungkin diketahui oleh pesaing
- Berbincang mengenai pelanggan atau kawasan pasaran anda dengan pesaing

Peringatan penting

Kumpulan Charoen Pokphand menyokong persaingan yang adil. Semua pengarah, pengurusan dan kakitangan Kumpulan Charoen Pokphand bertanggungjawab untuk mendukung komitmen ini dan mencerminkan standard dan amalan yang wajar.



MAKLUMAT LANJUT

Apakah yang dimaksudkan dengan persaingan yang adil?

Persaingan yang adil antara perniagaan wujud dalam pasaran apabila syarikat perusahaan bersaing dengan sama rata dan apabila peraturan dan syarat yang sama dikenakan terhadap semua peserta pasaran, dan syarikat tidak memudaratkan keupayaan pesaing untuk bersaing.



BAGAIMANA JIKA?

S: Bekas rakan sekerja anda, yang kini bekerja dengan pesaing, telah meminta untuk bertemu dengan anda untuk mendapatkan maklumat mengenai amalan penetapan harga berikutan tekanan pengguna baru-baru ini. Bolehkah anda berjumpa dengannya?

J: Tidak. Walaupun anda boleh berjumpa dengan bekas rakan sekerja, tetapi perbincangan mengenai penetapan harga adalah dilarang sama sekali. Anda hendaklah menyatakan dengan jelas tentang pendirian Kumpulan Charoen Pokphand Group bahawa persetujuan mengenai penetapan harga dengan rakan sejawat tidak boleh dilakukan.

Perniagaan kita dilaksanakan dengan penuh integriti dan kejujuran, justeru itu, kita hendaklah memastikan bahawa maklumat kewangan dan maklumat bukan kewangan kita (termasuk maklumat perniagaan, penyata kewangan, kontrak dan perjanjian) dikemukakan secara telus, tepat dan lengkap (kecuali apabila mengendalikan maklumat sulit - lihat bahagian 4.1 muka surat 38-39). Semua pengarah dan warga kerja dapat bergantung kepada maklumat ini semasa membuat keputusan perniagaan yang bertanggungjawab.

Penyimpanan rekod kewangan yang tepat bukan hanya tanggungjawab pihak pengurusan, akauntan atau warga kerja kewangan, tetapi semuanya termasuk para pengarah, pengurusan dan kakitangan Kumpulan Charoen Pokphand bertanggungjawab untuk memastikan bahawa dokumen dan urus niaga harian direkodkan dengan betul, lengkap dan boleh dipercayai sebelum diproses. Semua pengarah dan warga kerja hendaklah bersama-sama memastikan bahawa pengurusan maklumat dan maklumat perniagaan diuruskan dengan betul, telus, dan bersedia untuk sebarang penyiasatan audit.



1.5 MENGEKALKAN KETELUSAN

APAKAH YANG PATUT SAYA LAKUKAN?

✓ Patut Dilakukan

- Bertanggungjawab secara peribadi mengenai bagaimana pertuturan dan tindakan anda mungkin mencerminkan Kumpulan Charoen Pokphand
- Memaklumkan pengurus anda atau Jabatan Komunikasi apabila anda melihat maklumat yang tidak tepat mengenai Kumpulan Charoen Pokphand di laman web, media sosial atau dalam berita
- Merekodkan semua urusan niaga perniagaan dengan lengkap, tepat dan tepat pada masanya, dan memastikan bahawa rekod dan akaun selaras dengan piawai perakaunan yang diterima di negara masing-masing dan sistem kawalan dalaman kita
- Menyelesaikan invoice menurut terma-terma yang dipersetujui oleh pasukan penjualan untuk pengendalian

✗ Tidak Patut Dilakukan

- Membiarkan maklumat yang tidak tepat tentang Kumpulan Charoen Pokphand terus berada dalam domain awam
- Menyumbang kepada salah tanggapan atau salah faham orang ramai mengenai Kumpulan Charoen Pokphand
- Menandatangani dokumen atau perjanjian yang kosong atau tidak lengkap, atau meminta pelanggan atau pembekal untuk berbuat demikian
- Cuba menokok tambah atau mengubah anggaran penjualan, liabiliti atau perbelanjaan sebelum akhir tempoh perakaunan
- Memalsukan, mengubah atau menyembunyikan rekod, akaun dan dokumen syarikat

Peringatan penting


Ketelusan merupakan unsur penting dalam tadbir urus korporat yang baik. Ini merangkumi, sikap jujur dengan diri kita sendiri dan dengan apa jua yang kita lakukan. Oleh itu, kita hendaklah memastikan bahawa kita mengikut proses dan prosedur kita dengan betul.



BAGAIMANA JIKA?

S: Anda mendapati bahawa rakan sekerja telah menandatangani borang pemeriksaan sedangkan dia sebenarnya tidak melakukan pemeriksaan. Apakah yang harus anda lakukan?


J: Menandatangani borang pemeriksaan tanpa melakukan pemeriksaan adalah satu bentuk dokumentasi dan laporan palsu, dan kedua-duanya bertentangan dengan nilai ketelusan kita dan, jika diketahui, boleh menyebabkan syarikat menanggung kerugian. Anda hendaklah berbincang dengan pengurus anda atau Jabatan Pematuhan syarikat tentang maklumat yang anda ketahui supaya tindakan lanjut boleh diambil.



2 KUALITI

Keutamaan Charoen Pokphand Group Co., Ltd., sebagai syarikat induk yang mengawasi pelbagai syarikat, adalah memastikan tahap kualiti dan keselamatan tertinggi dalam semua produk dan perkhidmatan kami, dalam setiap perniagaan. Dalam rantaian nilai global di mana kita beroperasi pada saat ini, komitmen ini adalah lebih luas dan bukan sekadar mencapai piawaian dalam kemudahan pengeluaran kita sendiri.

Demi mencapai tahap ini, kita mestilah memastikan kualiti dan keselamatan hulu dan hiliran – pada semua peringkat dalam kitaran hayat produk kita. Sepanjang rantaian nilai, daripada input kepada output, penjualan hingga pembelian, kita hendaklah sentiasa memberikan komitmen dan menyampaikan perkhidmatan pada tahap yang tinggi. Dalam perniagaan perkhidmatan kita, kita juga hendaklah sentiasa bertindak dengan cara yang sopan, sesuai dan bermanfaat.



APAKAH YANG MERANGKUMI BAHAGIAN INI?

- Bagaimana anda boleh menyumbang kepada komitmen untuk menyediakan produk dan perkhidmatan yang menjadi kebanggaan
- Bagaimana untuk menerapkan pertimbangan mengenai kemampuan apabila bekerja
- Bagaimana untuk membantu memastikan rantaian nilai syarikat-syarikat Kumpulan C.P. adalah sejajar dengan komitmen kemampuan dan piawaian kualiti kita sendiri
- Bagaimana untuk memastikan komitmen kita terhadap kualiti adalah seiring dengan cara kita menggambarkan dan mempromosi produk dan perkhidmatan kita

Kita menyedari keperluan pelanggan dengan meneliti sudut pandangan mereka. Justeru, kita menghasilkan produk dan perkhidmatan khusus demi membantu pengguna menikmati kehidupan berkualiti, dengan kemudahan, serta mempunyai nilai yang baik dan memupuk tabiat lestari.

Agar kita berupaya untuk sentiasa mencapai piawaian yang tinggi dan supaya pelanggan menaruh kepercayaan terhadap kita dalam tempoh jangka panjang, setiap seorang daripada kita perlu memahami dan melaksanakan peranan dan tanggungjawab masing-masing. Kita semua mesti mematuhi piawaian mutu, proses perniagaan dan keperluan pengawalseliaan Kumpulan Charoen Pokphand dan mengetahui bagaimana piawaian, proses dan keperluan ini dikenakan terhadap kita dalam semua konteks yang berkenaan, dan pada setiap masa.

Kita akan mengambil tindakan segera dan tepat pada masanya di mana jua dan pada bila-bila masa kita melihat produk atau perkhidmatan yang tidak memenuhi piawaian kualiti dalaman dan yang diperlukan oleh pasaran. Kita juga akan terus mempertingkatkan kualiti pengalaman pelanggan melalui pemahaman yang diraih daripada sistem pengukuran prestasi dalaman dan luaran kita, yang digunakan untuk memantapkan kualiti pengeluaran produk dan perkhidmatan.



2.1 MENYEDIAKAN PRODUK DAN PERKHIDMATAN YANG BERKUALITI

Apakah maksud 'kualiti'?

Kita mentakrifkan kualiti sebagai produk dan perkhidmatan yang selamat, mesra alam, mematuhi piawaian dan peraturan kualiti produk dan perkhidmatan tempatan, serta bersesuaian dengan kehidupan pelanggan. Di samping itu, kita berhasrat agar ianya dapat berkembang sejajar dengan pengalaman pengguna, yang mencerminkan jangkauan perubahan dan citarasa pelanggan yang sering berubah-ubah dari masa ke semasa dan merentas pelbagai wilayah dan rantau.

APAKAH YANG PATUT SAYA LAKUKAN?

✓ Patut Dilakukan

- Bertanya diri anda, sebagai pengguna dan juga sebagai pengarah atau warga kerja Kumpulan Charoen Pokphand, tentang kualiti dan keselamatan yang anda harapkan daripada produk atau perkhidmatan dan pastikan anda mencapai piawaian tersebut apabila menyertai mana-mana bahagian rantaian nilai
- Hanya menghasilkan produk dan perkhidmatan yang menjadi kebanggaan anda dan yang boleh anda syorkan kepada keluarga dan rakan
- Memastikan bahawa produk dan perkhidmatan dihasilkan dalam persekitaran yang menitikberatkan kualiti dan keselamatan pengguna sebagai keutamaan kita
- Melaporkan dengan serta-merta sebarang ancaman terhadap produk dan perkhidmatan kita atau keselamatan pengguna kepada pihak pengurusan supaya tindakan yang sesuai dan pantas dapat diambil

Peringatan penting

Kita hendaklah berfikir dari sudut pandangan pelanggan kita: Kita hanya ingin mengeluarkan produk dan perkhidmatan yang menjadi kebanggaan dan setanding dengan reputasi kita.



✗ Tidak Patut Dilakukan

- Teragak-agak untuk mengemukakan kebimbangan tentang keselamatan
- Membiarkan diri anda atau pasukan anda gagal mencapai komitmen kita untuk membantu pengguna menikmati kehidupan yang berkualiti, dengan kemudahan, serta mempunyai nilai yang baik dan memupuk tabiat lestari.
- Mengabaikan kawalan kualiti atau mengambil jalan mudah sehingga menjejaskan kualiti atau keselamatan produk dan perkhidmatan kita

MAKLUMAT LANJUT

Bagaimanakah liabiliti produk dikenakan terhadap Kumpulan Charoen Pokphand? Adakah syarikat-syarikat perkhidmatan kita terkecuali?

Undang-undang liabiliti produk dikenakan terhadap semua pengeluar, pengedar, pembekal dan peruncit dalam rantaian nilai tertentu. Kita semua mempunyai tanggungjawab atas kemungkinan kesan produk yang dikeluarkan, diedarkan atau dijual, tanpa mengira had kontrak pada setiap peringkat individu dalam rantaian tersebut. Inilah sebabnya mengapa kita mesti sentiasa memastikan apa jua yang kita lakukan mencapai kualiti yang tinggi. Anda boleh merujuk kepada undang-undang liabiliti di negara anda untuk panduan lebih lanjut mengenai cara melaksanakan komitmen ini.

JIKA ANDA SEORANG PENGURUS...

- Lakukan tinjauan yang teliti mengenai pendapat pelanggan dan pihak ketiga lain tentang kualiti produk dan perkhidmatan kita untuk memastikan kita terus memberikan tahap kualiti yang tertinggi
- Buat keputusan yang bertanggungjawab atau proaktif untuk menarik balik produk atau perkhidmatan kita jika produk atau perkhidmatan tersebut mungkin atau sebenarnya tidak mencapai tahap keselamatan dan kebolehpercayaan, selaras dengan atau menjangkau peraturan yang ditetapkan oleh undang-undang tempatan
- Melaksanakan proses yang berkesan untuk mengukur dan merekodkan prestasi produk dan proses dan, jika sesuai, mengambil langkah pencegahan atau tindakan pembetulan yang berkesan untuk memastikan pelanggan dan pengguna kita menikmati kualiti produk yang bagus
- Pastikan anda mempunyai maklumat terkini piawaian global dan pasaran untuk kesihatan dan keselamatan pelanggan, serta semua garis panduan kualiti yang relevan

Kita komited untuk menggunakan sumber yang terjejas dengan cara yang bertanggungjawab dalam operasi kita. Visi kita adalah untuk terus mempergiatkan usaha mengurangkan kesan terhadap alam sekitar . Kita juga berhasrat untuk menjaga haiwan dan alam sekitar dalam rantaian nilai kita .

Sebagai sebuah kumpulan yang diasaskan dan kini beroperasi sebagai perniagaan tani global, kita amat peka dengan kesan operasi kita terhadap alam sekitar. Kita juga memahami semakin meningkatnya pilihan pengguna di seluruh dunia untuk menyokong perniagaan lestari. Oleh itu, kita berusaha sedaya upaya untuk mencapai dan jika boleh, melebihi keperluan alam sekitar dalam bidang kuasa di mana kita beroperasi. Komitmen ini diterapkan dengan cara bagaimana kita menguruskan proses pengeluaran, pelupusan sisa, pengangkutan bahan, bahan kimia dan jejak karbon kita secara keseluruhan. Jika perundangan alam sekitar atau penguatkuasaan kawal selia tidak mencapai piawaian yang kita tetapkan untuk organisasi kita, kita akan memastikan operasi kita terus menggalakkan amalan bertanggungjawab menguruskan kesan alam sekitar.

Kumpulan Charoen Pokphand sentiasa aktif meneliti kaedah untuk mengurangkan kesan proses operasi dan proses sedia ada kita terhadap alam sekitar. Kita sentiasa dipandu oleh prinsip bahawa jika kecekapan operasi dipertingkatkan, ini secara semulajadi akan menambah kecekapan alam sekitar.



2.2

MENGGUNAKAN SUMBER SECARA LESTARI

APAKAH YANG PATUT SAYA LAKUKAN?

✓ Patut Dilakukan

- Memastikan anda memahami kesan alam sekitar yang tersirat sepanjang rantai nilai kita – dari bagaimana kita menjalankan penyelidikan dan apa yang kita selidiki hingga penghantaran, pembungkusan dan penjualan barang dan perkhidmatan
- Mengurangkan kesan alam sekitar setakat yang boleh dan memperjuangkan sumber yang dikongsi bersama
- Meminimumkan jumlah sisa dan kitar semula atau selidiki penggunaan alternatif yang sesuai untuk bahan buangan sisa
- Memastikan pembekal dan rakan niaga kita mematuhi standard alam sekitar yang telah dipersetujui
- Memastikan kita tidak menggunakan tenaga atau air melebihi jumlah yang diperlukan
- Paling minimum, mematuhi semua peraturan alam sekitar
- Bersuara jika anda mempunyai cadangan mengenai bagaimana untuk mempertingkatkan inisiatif kelestarian kita

✗ Tidak Patut Dilakukan

- Menganggap sesuatu perkara adalah terlalu remeh: menutup lampu, mengitar semula, semuanya memberi kesan kepada kelestarian kita!
- Menyebabkan pelanggan meragui komitmen kita untuk memulihara alam sekitar dan sumber daya yang kita perolehi dari produk dan perkhidmatan Kumpulan Charoen Pokphand

Peringatan penting

Kumpulan Charoen Pokphand adalah sebuah konglomerat lestari. Kami melihat kesinambungan bukan hanya memastikan alam sekitar kita hijau dan selamat untuk generasi akan datang tetapi juga sebagai satu peluang - untuk sama-sama membina, berinovasi dan membentuk masa depan. Untuk merealisasikannya, kita semua perlu ingat bahawa setiap keputusan kita, tidak kira besar atau kecil, akan mempengaruhi kelestarian kita.



BAGAIMANA JIKA?

S: Saya bekerja dalam bahagian pembungkusan dan mendapati bahawa terdapat pilihan pembungkusan baharu bagi produk, yang lebih mahal tetapi lebih mudah dikitar semula. Disebabkan kos yang lebih tinggi kepada pengguna dan syarikat saya, apakah yang patut saya lakukan?

J: Anda hendaklah mengutarakan kes anda dengan menunjukkan manfaat ekonomi daripada kitaran semula bahan lebih lama, yang menyebabkan pengurangan kos dalam jangka masa panjang dengan menggunakan analisis keuntungan kos-volum, di samping menunjukkan manfaat lestari lain apabila menggunakan pembungkusan yang lebih mesra alam sekitar, sebagai sebahagian daripada komitmen dalam Tatakelakuan kita.

Pelanggan kita menaruh kepercayaan terhadap kita untuk menghasilkan dan menyediakan produk dan perkhidmatan berkualiti yang memenuhi keperluan mereka dengan tetap komited terhadap polisi, garis panduan, dan prosedur kita untuk mencapai matlamat tersebut. Namun, realitinya adalah kita tidak berusaha dengan sendirian. Semua syarikat Kumpulan Charoen Pokphand wujud dalam rangkaian pembekal dan rakan niaga yang saling bekerjasama untuk menyampaikan produk dan perkhidmatan akhir. Kita mempunyai kewajipan kepada pelanggan kita untuk memastikan bahawa keseluruhan rantai nilai kita beroperasi mengikut standard etika dan keperluan kualiti yang sama yang diamalkan oleh kita sendiri.

Untuk membantu pembekal dan rakan niaga lain memahami dengan jelas keperluan tersebut dan komitmen kita terhadapnya, kita secara aktif memaklumkan prinsip panduan yang membimbing tindakan kita.

Keperluan yang kita tetapkan khusus buat pembekal (syarikat-syarikat yang membekalkan barangan dan/atau perkhidmatan kepada Kumpulan Charoen Pokphand, untuk bidang pengeluaran dan bukan-pengeluaran dalam perniagaan kita) dinyatakan dalam Tatakelakuan Pembekal Kumpulan Charoen Pokphand. Semua perjanjian pembelian hendaklah menetapkan bahawa pembekal mengakui bahawa kepatuhan dengan standard yang ditetapkan oleh Kumpulan Charoen Pokphand adalah sebagai syarat bagi pembekalan.

Jika pembekal atau rakan niaga kita gagal mematuhi sebarang syarat dan komitmen ini, kita akan mengecewakan pelanggan kita. Kepercayaan mereka terhadap kita mungkin akan hilang, dan reputasi kita juga mungkin terjejas.



Apakah prinsip yang menjadi panduan kita dalam penyumberan beretika?

Kita mematuhi prinsip 'Global Compact' oleh Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu, Prinsip Panduan Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia dan Matlamat Pembangunan Lestari Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu.

Piawaian rantai bekalan dalam kami ditakrifkan dalam Tatakelakuan Pembekal dan Polisi dan Garis Panduan Pengurusan Rantai Bekalan Kumpulan Charoen Pokphand.

2.3

PENYUMBERAN YANG BERETIKA

APAKAH YANG PATUT SAYA LAKUKAN?

✓ Patut Dilakukan

- Menjalankan tanggungjawab anda untuk memastikan bahawa pembekal yang berurusan dengan anda mencapai standard penyumberan kita
- Memberikan maklumat dan latihan yang diperlukan oleh pembekal untuk mencapai keperluan kualiti kita
- Melaporkan kepada Jabatan Pematuhan syarikat anda atau serahkan laporan melalui saluran pemberian maklumat kita dalam setiap kumpulan perniagaan atau syarikat Kumpulan C.P. jika anda bimbang bahawa pembekal tidak mencapai standard kualiti kita

Peringatan penting

Komitmen kelestarian Kumpulan Charoen Pokphand hanya boleh didukung sepenuhnya apabila kita memastikan bahawa semua organisasi dalam rantai bekalan kita mematuhi dan menerapkan standard yang sama. Kita bergantung kepada semua pengarah dan warga kerja kita untuk berkongsi dan menguatkuasakan Tatakkelakuan Pembekal kita.



✗ Tidak Patut Dilakukan

- Memperolehi produk atau perkhidmatan daripada pembekal tanpa memastikan bahawa mereka memenuhi keperluan ketekunan wajar kita
- Mengabaikan sebarang klausa perjanjian pembelian standard anda



JIKA ANDA BEKERJA DALAM BAHAGIAN PENYUMBERAN...

Sentiasa berfikir terbuka apabila merumuskan atau mengemaskinikan amalan dan kongsi amalan pembekal yang cemerlang dengan pasukan Kawalan Kualiti yang berkaitan di syarikat anda. Kita boleh membantu pembekal mempertingkatkan kawalan kualiti mereka untuk mencapai piawaian kita, dan sebaliknya, kita juga boleh belajar daripada mereka.

MAKLUMAT LANJUT

Bagaimanakah kita dapat memastikan bahawa pembekal mematuhi keperluan Kumpulan Charoen Pokphand, terutamanya jika pembekal tersebut mempunyai syarikat induk atau syarikat sepunya dengan amalan yang tidak lestari?

Pasukan perolehan kita mengamalkan proses ketekunan wajar yang menyeluruh untuk menyemak semua pembekal Kumpulan Charoen Pokphand, termasuk menilai struktur pemilikan. Jika anda mempunyai kebimbangan khusus, hubungi Jabatan Pematuhan syarikat anda. Anda juga boleh merujuk kepada Tatakkelakuan Pembekal Kumpulan Charoen Pokphand, dan Polisi dan Garis Panduan Pengurusan Rantai Bekalan untuk maklumat lanjut.

BAGAIMANA JIKA?

- **S:** Ketika berbincang dengan salah satu pembekal anda, anda mengetahui tentang salah satu sumber mereka mempunyai etika yang meragukan. Patutkah anda menyiasat perkara ini dengan lebih lanjut atau haruskah anda cuma membuat andaian bahawa khabar tersebut tidak benar dan bergantung kepada semakan oleh pembekal yang dilakukan beberapa tahun sebelum itu apabila mereka mula bekerjasama?
- **A:** Anda haruslah merekodkan keprihatinan anda mengenai isu tersebut secara bertulis dan bekerjasama dengan pembekal untuk menangani situasi khusus ini dan mengurangkan sebarang kesan terhadap jenama Kumpulan Charoen Pokphand dengan mematuhi Tatakkelakuan Pembekal.

Dengan memberikan maklumat yang sesuai, tepat dan lengkap kepada pelanggan kita, kita boleh memperoleh kepercayaan mereka apabila memilih produk dan perkhidmatan Kumpulan Charoen Pokphand; kejujuran disertai dengan kepuasan pelanggan mewujudkan hubungan pelanggan yang lestari dengan kesetiaan yang berkekalan dalam tempoh jangka masa panjang.

Kita mematuhi dengan ketat standard keadilan komersial dalam persaingan pasaran. Namun, kita juga memahami bahawa pasaran dipelbagai peringkat perkembangan memerlukan pendekatan yang berlainan dari segi penjualan dan pemasaran. Supaya kita sentiasa konsisten dalam semua pasaran kita, semua pemasar syarikat Kumpulan Charoen Pokphand perlu memperuntukkan anggaran belanjawan yang seimbang dan sesuai untuk perbelanjaan pemasaran. Kita ingin pelanggan kita memilih produk dan perkhidmatan Kumpulan Charoen Pokphand berdasarkan kehendak mereka sendiri, dan bukannya kerana mereka dipengaruhi oleh pemasaran yang berlebihan atau tidak wajar.

Menyalahafsirkan atau memasarkan produk dan perkhidmatan kita secara berlebihan bukan sahaja melanggar kepercayaan pelanggan terhadap kita, malah mungkin mendedahkan syarikat kepada liabiliti undang-undang dan menyebabkan anda, dikenakan tindakan tatatertib dalaman.



2.4

PENJUALAN DAN PEMASARAN DENGAN BERTANGGUNGJAWAB

APAKAH YANG PATUT SAYA LAKUKAN?

✓ Patut Dilakukan

- Sentiasa mematuhi undang-undang penjualan dan pemasaran yang berkuat kuasa dalam bidang kuasa anda
- Menerangkan produk dan perkhidmatan kita serta kesannya dengan jujur dan telus, berdasarkan sokongan fakta yang mencukupi dan sesuai dan, jika berkenaan, dengan maklumat pemakanan
- Sentiasa peka terhadap norma budaya dan bagaimana norma tersebut berbeza di pasaran dan konteks penggunaan selaras dengan pelbagai takrifan selera atau kesopanan
- Memilih dengan teliti platform luaran yang menjadi host kandungan pengiklanan dan/atau pemasaran Kumpulan Charoen Pokphand agar tidak menyalahgunakan standard etika kita

✗ Tidak Patut Dilakukan

- Menggunakan maklumat dan/atau imej yang mengelirukan atau tidak tepat untuk mewujudkan gambaran palsu mengenai produk atau perkhidmatan kita
- Menipu, membesar-besarkan atau sengaja tidak memasukkan maklumat penting tentang produk dan perkhidmatan kita

Peringatan penting

Selama beberapa generasi, kita telah berjaya memperolehi dan membina kepercayaan pelanggan. Kita membalas kepercayaan ini dengan memberikan penerangan sejujurnya tentang produk dan perkhidmatan kita, memberikan pelanggan maklumat yang mencukupi supaya mereka dapat membuat keputusan pembelian yang tepat, tanpa membebani mereka dengan komunikasi promosi .





MAKLUMAT LANJUT

Bagaimanakah piawaian kita berkaitan dengan undang-undang perlindungan pengguna tempatan?

Piawaian kita mematuhi atau melangkaui undang-undang perlindungan pengguna di semua pasaran di mana kita beroperasi. Jika anda mempunyai kebimbangan khusus, anda hendaklah berbincang dengan Jabatan Pematuhan syarikat anda.





3 INSAN

Kumpulan Charoen Pokphand percaya bahawa keteguhan sesebuah syarikat bergantung kepada warga kerjanya. Apabila pengarah, ahli pengurusan dan kakitangan kita meraih kejayaan secara individu, kita sebagai sebuah perniagaan berupaya mencatat kejayaan dan mencapai matlamat kita. Namun, ini hanya boleh direalisasikan jika kita mengamalkan sikap saling menghormati antara satu sama lain.

Prinsip saling menghormati dan bersama-sama mencapai kejayaan juga patut diperluaskan kepada semua individu dalam kalangan kita, termasuk pelanggan, pembekal dan pemegang kepentingan lain. Berdasarkan standard etika yang sama, kita mampu berdiri teguh dengan berkongsi nilai dengan pihak lain, menerima perubahan dengan fikiran yang terbuka, dan sentiasa berkelakuan dengan penuh integriti dan kejujuran.



APAKAH YANG MERANGKUMI BAHAGIAN INI?

- Bagaimana kita boleh memastikan tempat kerja adalah persekitaran yang adil dan hormat
- Bagaimana kita boleh bekerjasama untuk menjadikan tempat kerja suatu tempat di mana semua orang boleh mencapai kepuasan dalam kerjaya
- Bagaimana kita boleh memastikan bahawa semua maklumat peribadi yang kita ketahui dilindungi
- Bagaimana dan bila perlu mengambil tindakan agar tempat kerja terus menjadi persekitaran yang selamat dan sihat

Kumpulan Charoen Pokphand memupuk persekitaran yang terang-kum, yang menggalakkan semua pengarah dan warga kerja pada setiap peringkat agar saling menghormati antara satu sama lain. Selanjutnya, semua keputusan profesional kita adalah semata-mata berdasarkan merit, kita tidak akan mentoleransi diskriminasi berdasarkan ciri-ciri yang tiada kaitan dengan prestasi seperti warna kulit, asal usul etnik, negara asal, jantina atau identiti jantina, orientasi seksual, umur, agama, kelainan upaya dan status lain yang dilindungi undang-undang. Anda juga boleh merujuk kepada Polisi dan Garis Panduan Hak Asasi Manusia dan Amalan Pekerja Kumpulan Charoen Pokphand untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Selanjutnya, kita tidak akan mengambil tindakan balas terhadap individu yang melaporkan atau mendedahkan isu-isu yang disyaki atau yang sebenarnya melanggar standard etika kita, polisi syarikat atau undang-undang tempatan. Kita akan berusaha untuk menangani isu ini dan menggalakkan semua pengarah dan warga kerja supaya melaporkan pelanggaran yang disyaki kepada Jabatan Sumber Manusia dan/atau Jabatan Pematuhan, dan juga kepada pengurus mereka tanpa merasa gentar akan berlaku tindakan balas.

Semua pengarah, pengurusan dan kakitangan Kumpulan Charoen Pokphand perlu menyumbang ke arah mewujudkan persekitaran kerja yang bebas daripada gangguan, yang melarang sebarang perilaku lisan, visual atau fizikal yang menakut-nakutkan, menyinggung atau bermusuhan, atau kelakuan lain seperti yang ditakrifkan oleh definisi dan norma undang-undang dalam setiap bidang kuasa yang berkenaan.



3.1

MENGALAKKAN SIKAP SALING MENGHORMATI DAN PERLAKUAN YANG ADIL

APAKAH YANG PATUT SAYA LAKUKAN?

✔ Patut Dilakukan

- Berhati-hati dengan bahasa lisan dan fizikal anda apabila anda bersama rakan sekerja supaya anda tidak menyinggung perasaan mereka dengan tidak sengaja; bukan semua tindakan diskriminasi atau gangguan dilakukan dengan sengaja
- Bertanya diri anda sama ada tindakan atau komen anda mungkin menyebabkan orang lain salah tanggapan atau salah faham
- Melaporkan kejadian gangguan kepada pengurus anda, Jabatan Sumber Manusia dan/atau Jabatan Pematuhan

✘ Tidak Patut Dilakukan

- Merasa bimbang sekiranya berlaku tindakan balas kerana melaporkan gangguan atau diskriminasi yang dialami oleh anda atau rakan sekerja anda
- Menakut-nakutkan atau memalukan orang lain sama ada secara fizikal atau lisan
- Membuat jenaka yang tidak sesuai
- Mempamerkan bahan yang menyinggung perasaan atau tidak hormat
- Melibatkan diri dalam ulasan di media sosial atau komunikasi lain, dalam akaun dan saluran syarikat atau peribadi, yang mungkin melanggar jangkauan tentang kelakuan yang wajar
- Memandang remeh tentang jenis jenaka di tempat kerja yang mungkin bersifat menyinggung perasaan, menakut-nakutkan atau mendiskriminasi, di dalam atau di luar talian (menggunakan jenaka di dalam premis syarikat yang mungkin dianggap menyinggung oleh orang di luar kumpulan sosial anda)

Peringatan penting

Kami adalah majikan peluang sama rata yang bertekad untuk menjadikan tempat kerja kita suatu persekitaran yang bebas daripada gangguan dan diskriminasi, di mana kita saling menghormati antara satu sama lain dan mencapai kejayaan bersama. Kita berkongsi tanggungjawab untuk menjadikan azam ini satu realiti. Ingat – Sikap saling menghormati di tempat kerja bermula dengan ANDA!



MAKLUMAT LANJUT

Bagaimanakah Jabatan Sumber Manusia dapat memastikan bahawa tindakan balas tidak akan diambil terhadap pemberian maklumat ('whistleblowing')?

Jabatan Sumber Manusia beroperasi secara rahsia ketika menyiasat maklumat yang diterima dari pemberi maklumat – kedua-duanya untuk identiti pemberi maklumat sebagai individu dan mengenai semua individu yang terlibat dalam sebarang dakwaan. Sekiranya dakwaan diteruskan ke peringkat penyiasatan, hanya kumpulan pengurusan terpilih akan diberikan akses kepada maklumat ini. Anda juga boleh merujuk kepada Polisi dan Garis Panduan Pemberian Maklumat Kumpulan Charoen Pokphand untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Kami anggap senarai berikut (yang bukan senarai menyeluruh) sebagai perilaku yang tidak boleh diterima.

- Gangguan seksual
- Bahasa atau jenaka yang menyinggung
- Diskriminasi atau menunjukkan kebencian terhadap orang lain berdasarkan sebarang ciri-ciri yang berkaitan dengan identiti peribadi
- Komen yang menjatuhkan maruah orang lain
- Kelakuan yang menakut-nakutkan atau mengugut

Kami anggap senarai berikut (yang bukan senarai menyeluruh) sebagai perilaku yang mengganggu, yang memudaratkan keharmonian di tempat kerja.

- Menghasut perbalahan
- Fitnah (secara lisan atau bertulis)

Kumpulan Charoen Pokphand adalah majikan peluang sama rata yang mendukung dan menggalakkan hak asasi manusia dalam semua perniagaan kita dan di semua konteks pekerjaan di seluruh rantai nilai kita. Kita percaya bahawa kepelbagaian dan keterangkuman adalah tanda kekuatan dan menerapkan standard ini dalam semua aspek pekerjaan, termasuk pengambilan pekerja, penilaian, perkembangan, kenaikan pangkat, tatatertib, pampasan dan penamatan.

Kita berusaha memastikan setiap pasukan terdiri daripada pelbagai golongan insan, agar wujud kepelbagaian, sama seperti pasaran di mana kita beroperasi. Ini juga bertujuan memastikan kita mencipta persekitaran kerja yang terangkum dan meraikan perbezaan di kalangan kita dari segi latar belakang, pendidikan, jantina, kaum, etnik, gaya bekerja dan pemikiran, latar belakang agama, umur, generasi dan ketidakupayaan.

Kita selanjutnya bertekad untuk memastikan semua keputusan pengambilan pekerja dibuat berdasarkan kelayakan yang relevan, merit, prestasi dan faktor lain berkaitan dengan pekerjaan dan mentakrifkan keperluan pekerjaan dan jangkaan prestasi kita dengan jelas. Kita tidak akan bertoleransi dengan pelanggaran undang-undang pekerja, termasuk pekerjaan di bawah umur atau paksa, dalam mana-mana bidang kuasa di mana kita beroperasi. Anda juga boleh merujuk kepada Polisi dan Garis Panduan Hak Asasi Manusia dan Amalan Pekerja Kumpulan Charoen Pokphand untuk mendapatkan maklumat lanjut.



3.2

MENDUKUNG PELUANG SAMA RATA, KEPELBAGAIAN DAN KETERANGKUMAN

APAKAH YANG PATUT SAYA LAKUKAN?

✓ Patut Dilakukan

- Memastikan anda memahami terma-terma pekerjaan anda
- Memperlakukan orang lain dalam cara yang mereka ingini
- Mengalu-alukan pendapat yang berbeza daripada pendapat anda, dan menyokong rakan sepasukan
- Berusaha untuk mengetahui, menerima maklum balas dan dengarkan keprihatinan individu di sekeliling anda

✗ Tidak Patut Dilakukan

- Membezakan individu atau kumpulan berdasarkan latar belakang, penampilan atau ciri-ciri peribadi mereka yang lain
- Mentoleransi sebarang kelakuan yang mewujudkan persekitaran kerja yang menyinggung atau bermusuhan
- Membiarkan segala bentuk penganiayaan atau gangguan terhadap rakan sekerja atau sesiapa jua yang mempunyai urusan perniagaan dengan kita

Peringatan penting

Kita menggalakkan persekitaran kerja yang pelbagai, terangkum dan sama rata dari segi dalaman dan luaran. Setiap pengarah, ahli pengurusan dan kakitangan diharapkan akan mengamalkan perilaku yang mulia, bersopan-santun dan penuh rasa hormat dengan sesiapa yang berinteraksi dengan kita.



Kita melindungi privasi dan kerahsiaan semua maklumat peribadi, perubatan, keluarga dan kewangan yang kita ketahui, dan hanya akan mendedahkan maklumat tersebut kepada mereka yang perlu menerimanya atas dasar perniagaan dan jika dibenarkan di sisi undang-undang untuk berbuat demikian. Perlindungan ini disediakan apabila kami menangani semua data pengarah, warga kerja, pelanggan, pembekal dan rakan niaga.



3.3

MELINDUNGI MAKLUMAT PERIBADI

Apakah data peribadi dan bagaimanakah saya harus menanganinya?

Data peribadi berkaitan dengan pengarah, warga kerja, pengguna dan individu lain adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan tertentu dalam kebanyakan negara dan perlu dikendalikan dengan khusus. Maklumat lanjut berkaitan dengan klasifikasi dan keperluan perlindungan untuk data peribadi boleh didapati di dalam Polisi dan Garis Panduan Data Peribadi dan Privasi Kumpulan Charoen Pokphand.

APAKAH YANG PATUT SAYA LAKUKAN?

✓ Patut Dilakukan

- Berkongsi maklumat peribadi individu hanya dengan pihak yang dibenarkan
- Menyimpan maklumat sulit dengan wajar dan melupuskannya dengan selamat apabila tidak lagi diperlukan
- Hanya mencetak dokumen menggunakan pencetak yang selamat dalam rangkaian syarikat

✗ Tidak Patut Dilakukan

- Berkongsi kata laluan anda dengan sesiapa jua atau mendedharkannya secara bertulis
- Membiarkan komputer anda tanpa dikunci
- Meninggalkan salinan asal dokumen di dalam pencetak atau mesin fotostat

Peringatan penting

Di Kumpulan Charoen Pokphand, kita melindungi maklumat peribadi semua individu - sama ada pelanggan, pengarah, warga kerja, pembekal dan rakan niaga - dengan melindungi privasi dan keselamatan maklumat yang diamanahkan oleh mereka kepada kita.





BAGAIMANA JIKA?

S: Pasangan anda (suami/isteri) meminta maklumat hubungan salah seorang pelanggan anda, kerana ingin mendapatkan peluang perniagaan baru kepada mereka. Adakah anda boleh berkongsi maklumat tersebut kerana anda mempunyai perhubungan perniagaan yang rapat dengan pelanggan tersebut?

J: Tidak. Kita hendaklah melindungi privasi dan kerahsiaan semua maklumat peribadi yang kita ketahui, menurut Polisi dan Garis Panduan Data Peribadi dan Privasi Kumpulan Charoen Pokphand.

Tempat kerja yang selamat dan sihat perlu disediakan untuk rakan sekerja, rakan niaga dan pelawat serta semua individu di dalam komuniti di mana kita beroperasi. Kita mematuhi semua perundangan dan peraturan yang berkuat kuasa dan ingin terus berusaha mempertingkatkan prestasi kesihatan dan keselamatan.

Kita semua memainkan peranan untuk memastikan kesihatan dan keselamatan tempat kerja kita mencapai tahap yang maksimum: Pengurus bertanggungjawab terhadap kesihatan dan keselamatan warga kerja dan pihak ketiga di bawah kawalan mereka. Kita semua juga bersetuju, sebagai syarat pekerjaan, tanggungjawab individu dan bersama untuk keselamatan di tempat kerja.



3.4

MEMASTIKAN TEMPAT KERJA YANG SELAMAT DAN SIHAT

APAKAH YANG PATUT SAYA LAKUKAN?

✓ Patut Dilakukan

- Jika diminta melakukan tugas yang anda anggap tidak selamat, kemukakan kebimbangan anda mengenai perkara ini.
- Sentiasa mematuhi protokol keselamatan syarikat – protokol tersebut ditetapkan demi keselamatan semua
- Bersuara apabila diminta melakukan kerja yang menurut pendapat anda, anda tidak dilatih dengan wajar untuk melakukannya dan jika dilakukan, mungkin akan memudaratkan diri anda atau orang lain
- Melaporkan kepada penyelia di lokasi bekerja jika anda melihat sesiapa melakukan tugas yang anda anggap tidak selamat atau jika orang tersebut tidak dilatih dengan sewajarnya
- Bersuara jika anda mengesyaki kenderaan atau peralatan tidak beroperasi dengan wajar dan selamat
- Memantau atau mengambil tahu tentang keadaan yang tidak selamat atau mungkin membahayakan anda atau orang lain; keselamatan adalah tanggungjawab semua – anda mesti menegaskan bahawa kerja dilakukan dengan selamat, tidak kira apa jua pekerjaan anda

✗ Tidak Patut Dilakukan

- Berharap menunggu orang lain untuk melaporkan risiko atau sebarang isu yang membimbangkan sebelum anda sendiri melaporkannya
- Mengandaikan bahawa prosedur dan garis panduan semasa tidak boleh diubah
- Datang ke tempat kerja di bawah pengaruh dadah, alkohol atau bahan terkawal lain
- Bersetuju melakukan kerja sedangkan anda tidak terlatih, cekap, sihat atau cukup bersedia untuk melakukannya

Peringatan penting




Setiap syarikat di dalam Kumpulan Charoen Pokphand menanggung tanggungjawab asas untuk menyediakan tempat kerja yang selamat dan sihat. Keselamatan dan kesihatan persekitaran pekerjaan dapat dijamin jika kita saling bekerjasama untuk mengenal pasti, melaporkan dan menyelesaikan apa-apa isu yang berbangkit.



MAKLUMAT LANJUT!

Kumpulan Charoen Pokphand telah menyediakan "Piawaian dan Garis Panduan Keselamatan, Kesihatan Pekerjaan dan Pengurusan Alam Sekitar", yang disesuaikan dan diterapkan oleh semua jabatan yang berkaitan di semua peringkat sebagai garis panduan di bawah pengawasan Jabatan Keselamatan yang berkaitan di setiap unit perniagaan, bahagian perniagaan dan wilayah. Pengurus unit perniagaan, bahagian perniagaan, wilayah dan jabatan bertanggungjawab untuk mengadaptasikan dan menerapkan garis panduan tersebut. Untuk maklumat lanjut, anda juga boleh merujuk kepada Polisi dan Garis Panduan Keselamatan, Kesihatan Pekerjaan dan Tempat Kerja Kumpulan Charoen Pokphand.





4 ASET

Semua aset kita – sama ada kewangan, intelektual, fizikal dan reputasi – telah mengambil masa bertahun-tahun dan malah sepanjang hayat untuk diperolehi. Aset mungkin tidak ketara dan kadang kala abstrak tetapi, sama seperti standard etika kita, secara keseluruhannya aset kita menjadikan kita unik dan merupakan kunci keteguhan kita.

Meskipun nilainya amat berharga, mana-mana aset kita boleh boleh terjejas dengan ketara atau malah musnah dengan sekelip mata. Oleh itu, sebagai rakan sekerja dan individu, kita bertanggungjawab untuk berusaha melindunginya sepanjang masa kita bekerja, setiap hari.

APAKAH YANG MERANGKUMI BAHAGIAN INI?

- Bagaimana untuk mengkategorikan dan menangani dengan tepat pelbagai jenis maklumat syarikat
- Bagaimana untuk menjalankan dagangan yang wajar dalam sekuriti
- Bagaimana untuk mengelakkan perniagaan kita dikaitkan dengan aktiviti perubahan wang haram

Salah satu aset kita yang paling bernilai adalah maklumat kita. Maklumat wujud dalam pelbagai format, termasuk di atas kertas dan fail, secara elektronik dalam dokumen atau multimedia, dan di dalam aplikasi dan sistem IT kita. Pada peringkat paling asas, semua maklumat kita boleh dikategorikan sebagai **sulit dan tidak sulit**.

Oleh itu, sistem pengurusan maklumat Kumpulan Charoen Pokphand mentakrifkan bagaimana syarikat induk dan syarikat dalam Kumpulan Charoen Pokphand, dari segi dasarnya, harus mengklasifikasikan, melindungi dan mengendalikan maklumat, dan dari segi praktikal, memberi panduan membuat keputusan dan juga perilaku.

Kita juga berhasrat untuk melaksanakan pengurusan maklumat secara sistematik di semua perniagaan kita untuk membolehkan pengurusan risiko dan kawalan data dilaksanakan dengan berkesan. Setiap syarikat Kumpulan C.P. dapat menyesuaikan Polisi dan Garis Panduan Pengurusan Maklumat agar lebih bersesuaian dengan jenis perniagaan mereka.



4.1 MENGURUSKAN MAKLUMAT SYARIKAT

APAKAH YANG PATUT SAYA LAKUKAN?

✔ Patut Dilakukan

- Menyebarkan atau memberikan akses kepada maklumat syarikat semata-mata atas dasar perlu tahu
- Menerima tanggungjawab peribadi untuk menggunakan, mengedarkan, menyimpan, melindungi dan melupuskan maklumat dengan wajar
- Only use Charoen Pokphand Group company-approved IT to create, share and file company information or records
- Hanya menggunakan IT yang diluluskan oleh syarikat Kumpulan Charoen Pokphand untuk mewujudkan, berkongsi dan memfailkan maklumat atau rekod syarikat
- Mengambil semua langkah yang perlu untuk melindungi dokumen, rekod dan peranti digital untuk memastikan ianya tidak akses tanpa kebenaran atau apa-apa gangguan
- Menandatangani perjanjian untuk tidak mendedahkan atau 'non-disclosure agreement (NDA)' yang mengikat di sisi undang-undang sebelum berkongsi sebarang maklumat sulit atau maklumat bukan awam milik Kumpulan Charoen Pokphand dan syarikat-syarikatnya
- Sentiasa berwaspada kerana perbincangan anda tentang maklumat bukan awam mungkin didengar oleh orang lain, atau berlaku curi dengar, intip dengar atau 'wiretapping', atau dirakam oleh pihak lain, terutamanya apabila berbincang di tempat awam, melalui sebarang peranti mudah alih, atau dengan ahli keluarga, yang semuanya boleh menyebabkan kebocoran maklumat

✘ Tidak Patut Dilakukan

- Mendedahkan, sama ada secara peribadi atau umum, maklumat bukan umum berkaitan dengan Kumpulan Charoen Pokphand atau syarikatnya
- Menggunakan kemudahan IT dan komunikasi syarikat bagi tujuan peribadi atau dalam cara yang boleh memudaratkan syarikat-syarikat Kumpulan Charoen Pokphand
- Berkongsi kata laluan atau membuka pautan yang mencurigakan dalam e-mel
- Menyembunyikan, meminda, memusnahkan dokumen dengan menyalahi undang-undang, dan dalam cara yang boleh memudaratkan Kumpulan Charoen Pokphand
- Berkongsi dengan pihak luar sebarang maklumat tentang aktiviti perniagaan Kumpulan Charoen Pokphand kecuali anda diberi kuasa untuk berbuat demikian – ini termasuk semua komunikasi lisan dan bertulis

Peringatan penting

Maklumat adalah aset yang amat penting yang seharusnya boleh dikenal pasti, dikategorikan dan diuruskan oleh kita selaras dengan polisi kita, untuk memastikan maklumat digunakan, disimpan dan dikongsi dengan wajar.

BAGAIMANA JIKA?

S: Anda menyiarkan perkembangan terkini projek baharu syarikat anda di media sosial. Seorang pelajar universiti menghubungi anda untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai projek tersebut untuk tesis. Haruskah anda memberikan bantuan?

A: Anda haruslah berhati-hati, kerana berkongsi maklumat syarikat adalah isu yang penting. Dalam situasi ini, anda hendaklah memahami pentingnya maklumat yang diminta, serta empat peringkat kerahsiaan yang digunakan dalam Kumpulan Charoen Pokphand: Kawalan Khas, Sulit, Penggunaan Dalaman Sahaja dan Umum. Untuk panduan lebih khusus, anda juga hendaklah menyemak Polisi dan Garis Panduan Pengurusan Maklumat Kumpulan Charoen Pokphand.

atau

S: Anda akan meninggalkan syarikat anda untuk memulakan pekerjaan yang baharu di syarikat lain. Anda membawa satu salinan fotostat laporan syarikat Kumpulan Charoen Pokphand khusus untuk digunakan di pekerjaan baharu tersebut. Adakah ini dibenarkan?

J: Jika maklumat tersebut diklasifikasi sebagai maklumat umum, penggunaannya bagi tujuan perniagaan di luar Kumpulan Charoen Pokphand adalah dibenarkan. Walau bagaimanapun, jika maklumat diklasifikasi sebagai Kawalan Khas, Sulit atau Penggunaan Dalaman Sahaja, anda tidak dibenarkan untuk mengambil salinan fotostat untuk kegunaan luar setelah anda kehilangan status anda sebagai pengarah atau warga kerja Kumpulan Charoen Pokphand.

Sebagai sebuah perniagaan yang mencakupi syarikat-syarikat tersenarai dan juga tidak tersenarai dalam pelbagai bidang kuasa, adalah penting, sistem pengurusan maklumat kita perlu membantu semua pengarah, ahli pengurusan dan kakitangan kita untuk memahami perbezaan antara maklumat awam dan bukan awam, serta mematuhi semua undang-undang yang berkenaan yang mengawal maklumat bukan awam dan material. (Untuk panduan lebih terperinci tentang bagaimana untuk memahami kerahsiaan dan menguruskan semua maklumat syarikat dengan sesuai, lihat bahagian 4.1 muka surat 38-39)

Urusan dalam sekuriti syarikat tersenarai, atau mana-mana syarikat lain yang didagang secara am berdasarkan maklumat bukan awam, menyebarkan maklumat palsu atau melibatkan diri dalam aktiviti dengan tujuan memanipulasi harga sekuriti tersenarai awam adalah tindakan yang menyalahi undang-undang dikebanyakan negara. Di samping mencetuskan tindakan tatatertib dalaman, penglibatan dalam aktiviti sedemikian juga mungkin menyebabkan pendakwaan jenayah dan denda terhadap syarikat dan juga individu.



4.2

DAGANGAN DALAM SEKURITI

Secara amnya, apakah yang merupakan maklumat penting bukan awam ?

Maklumat tentang Charoen Pokphand Group Co., Ltd. dan syarikat-syarikat Kumpulan Charoen Pokphand yang secara amnya tidak tersedia kepada orang ramai yang boleh menjejaskan harga pasaran sekuriti syarikat-syarikat tersenarai kita.

Apakah yang dirangkum dalam sekuriti?

Saham, bon, nota dan pelaburan.

APAKAH YANG PATUT SAYA LAKUKAN?

✓ Patut Dilakukan

- Memaklumkan niat anda untuk membeli sebelum melaksanakan dagangan sekuriti sejajar dengan prosedur syarikat tersenarai
- Merujuk undang-undang dagangan sekuriti di setiap negara jika anda ingin melaksanakan dagangan melibatkan sekuriti syarikat

✗ Tidak Patut Dilakukan

- Melakukan sebarang urus niaga pasaran modal terhadap syarikat sedangkan anda mempunyai maklumat dalaman
- Mendedahkan maklumat palsu untuk menjejaskan harga sekuriti
- Menggalakkan orang lain supaya berdagang dalam syarikat tersenarai apabila mereka mempunyai maklumat dalaman yang berkenaan

Peringatan penting

Maklumkan Jabatan Pematuhan syarikat anda atau jabatan yang setara sebelum berdagang dalam sekuriti mana-mana syarikat tersenarai Kumpulan Charoen Pokphand, untuk memastikan anda telah melengkapkan semua borang dan semakan yang perlu supaya anda tidak akan, dengan tidak sengaja, bertindak berdasarkan maklumat dalaman



Apakah maklumat orang dalam?

Maklumat orang dalam (atau maklumat Sensitif Harga) yang tidak tersedia kepada orang ramai tetapi berpotensi mempengaruhi keputusan pelaburan atau pembelian atau penjualan saham sesebuah syarikat, atau derivatif lain yang didagangkan.

Contohnya termasuk:

- keputusan atau ramalan perolehan bagi salah sebuah syarikat tersenarai kita;
- penggabungan, pemerolehan, penyahlaburan atau usaha sama;
- projek penyusunan semula;
- krisis atau kejadian penting;
- kes-kes litigasi yang penting;
- keputusan kerajaan atau pengawal selia;
- perubahan pada kepimpinan;
- Kenaikan modal saham atau pembayaran Dividen, dll.

Apakah dagangan orang dalam?

Mana-mana pengarah, ahli pengurusan atau kakitangan yang mempunyai akses kepada Maklumat Orang Dalam bagi syarikat-syarikat tersenarai kita, secara rutin atau dalam situasi tertentu, atau mana-mana syarikat lain, membeli, menjual atau terlibat dalam sebarang urusan lain terhadap entiti-entiti tersenarai yang berkenaan.


BAGAIMANA JIKA?

S: Anda mendengar berita daripada seorang rakan sejawat di salah sebuah syarikat tersenarai Kumpulan Charoen Pokphand bahawa perolehan mereka akan meningkat setelah menandatangani kontrak usaha sama yang baharu. Anda mempertimbangkan langkah melabur dalam syarikat tersebut. Adakah ini melanggar undang-undang dagangan orang dalam?

J: Ya. Anda tidak harus melakukan dagangan, kerana situasi ini melanggar undang-undang dagangan sekuriti yang menyentuh dagangan orang dalam, kerana maklumat tersebut adalah material dan belum tersedia kepada orang ramai. Anda boleh merujuk kepada undang-undang dagangan sekuriti tempatan, khususnya mengenai 'blackout periods', atau berbincang dengan Jabatan Pematuhan syarikat anda untuk mendapatkan panduan lanjut.

Kumpulan Charoen Pokphand amat komited untuk mematuhi jangkaan dan garis panduan pencegahan pengubahan wang haram pada peringkat kumpulan untuk melindungi kita merentas semua bidang kuasa yang berkenaan. Kita tidak akan mewujudkan atau memegang akaun, dana atau aset yang tidak didokumenkan, dan kami berazam untuk melindungi perniagaan kita daripada dikaitkan dengan aktiviti jenayah, sama ada dengan sengaja atau tidak sengaja.

Semua rekod perakaunan dan dokumen sokongan entiti syarikat Kumpulan C.P. hendaklah menerangkan dan mencerminkan dengan tepat sifat perniagaan dan urus niaga dasar kita. Kita selanjutnya mematuhi semua undang-undang dan peraturan kebangsaan dan antarabangsa yang berkenaan yang melibatkan pengubahan wang haram.



4.3

MENCEGAH PENGUBAHAN WANG HARAM

Apakah pengubahan wang haram?

Pengubahan wang haram merupakan proses yang digunakan oleh orang atau kumpulan untuk cuba menyembunyikan hasil aktiviti haram atau supaya sumber dana yang haram kelihatan seperti sah. Meskipun dilakukan hanya sekali, jenayah kewangan ini kemungkinan akan menjejaskan Kumpulan Charoen Pokphand secara langsung atau tidak langsung

APAKAH YANG PATUT SAYA LAKUKAN?

✓ Patut Dilakukan

- Menjalankan perniagaan hanya dengan pelanggan yang mempunyai reputasi baik bagi tujuan perniagaan yang wajar, dengan menggunakan dana yang boleh dikenal pasti sebagai sah
- Melengkapkan proses penapisan yang wajar apabila mengambil pihak ketiga yang baharu dan sebelum menandatangani apa-apa kontrak – fahami dan patuhi sepenuhnya proses kenali pelanggan yang ditetapkan oleh syarikat anda
- Mengenal pasti dan mengemukakan isu dengan pegawai undang-undang syarikat anda tentang apa-apa "tanda amaran" yang mungkin muncul, seperti permintaan daripada bakal pelanggan atau pembekal supaya membayar dana kepada akaun pihak ketiga atau pelbagai akaun; kesanggupan yang tidak munasabah untuk membayar harga yang jauh melebihi harga pasaran, terutamanya secara tunai; atau melakukan urusan niaga melalui perantara yang tidak perlu
- Melaporkan kepada pegawai undang-undang syarikat anda tentang sebarang proses pelanggan/pihak berkontrak yang mungkin melibatkan penglibatan individu yang terdedah secara politik ("politically exposed person" atau PEP) atau pihak berkontrak lain yang mencurigakan
- Mengemukakan dengan serta-merta dan secara terus kepada pegawai undang-undang syarikat anda jika mana-mana satu atau gabungan tanda amaran ini muncul

✗ Tidak Patut Dilakukan

- Merasa gentar meminta pengesahan maklumat jika anda merasa ragu-ragu tentang sumber dana yang terlibat dalam sebarang peringkat perjanjian kontrak apabila wang berpindah tangan
- Mengandaikan bahawa semua semakan kepatuhan dan undang-undang telah diselesaikan sebelum anda terlibat dalam interaksi dengan pelanggan atau pembekal yang baharu
- Memberitahu pelanggan atau pembekal anda bahawa mereka sedang disiasat oleh syarikat anda kecuali anda diberi kuasa dan dilantik dengan khusus untuk berbuat demikian

Peringatan penting

Pengubahan wang haram adalah jenayah kewangan yang amat serius. Untuk melindungi Kumpulan Charoen Pokphand daripada aktiviti sedemikian, kita bergantung kepada ketekunan dan sikap proaktif oleh semua pengarah dan warga kerja yang berkenaan.



MAKLUMAT LANJUT

Bagaimanakah saya boleh tentukan sama ada syarikat atau pelanggan mencapai standard 'reputasi baik' ?

Pengubahan wang haram sering melibatkan operasi yang rumit dan amat canggih. Jika anda merasa ragu-ragu tentang syarikat atau pelanggan tertentu, anda hendaklah dengan serta-merta mengemukakan kebimbangan anda kepada Jabatan Pematuhan syarikat anda. Untuk latar belakang, anda juga boleh merujuk kepada Polisi dan Garis Panduan Pencegahan Pengubahan Wang Haram Kumpulan Charoen Pokphand.




PENALTI

BERSAMA-SAMA MELINDUNGI REPUTASI KITA

Semua pengarah, pengurusan dan kakitangan hendaklah mengakui, memahami dan mematuhi sepenuhnya Tatakelakuan ini . Semua salah laku, kesalahan atau tindakan yang dianggap sebagai melanggar Tatakelakuan mungkin dikenakan tindakan tatatertib menurut peraturan kerja setiap syarikat dalam Kumpulan C.P. atau menurut peraturan yang diumumkan.

Usaha melindungi jenama dan reputasi kita adalah tanggungjawab yang didukung oleh semua pengarah, pengurusan dan kakitangan Kumpulan Charoen Pokphand. Tidak kiralah syarikat yang menggaji anda secara langsung, kita semua berkongsi satu reputasi dari sudut pandangan orang ramai.

Kumpulan Charoen Pokphand berdiri teguh sebagai sebuah entiti yang bersepadu, dan ini adalah berlandaskan reputasi yang kukuh yang sama-sama dibina oleh kita melalui keputusan yang diambil dan tindakan yang dilaksanakan. Keteguhannya sepanjang tempoh jangka panjang bergantung kepada interaksi kita sebagai satu kumpulan dengan dunia luar.



POLISI DAN GARIS PANDUAN KUMPULAN CHAROEN POKPHAND

1. INTEGRITI

- 1 Polisi dan Garis Panduan Konflik Kepentingan
- 2 Polisi dan Garis Panduan Anti-Sogokan dan Anti-Rasuah
- 3 Polisi dan Garis Panduan Hadiah dan Manfaat

2. KUALITI


- 4 Polisi dan Garis Panduan Kemampanan
- 5 Tatakelakuan Pembekal
- 6 Polisi dan Garis Panduan Pengurusan Rantaian Bekalan

3. INSAN

- 7 Polisi dan Garis Panduan Hak Asasi Manusia dan Amalan Pekerja
- 8 Polisi dan Garis Panduan Pemberian Maklumat
- 9 Polisi dan Garis Panduan Data Peribadi dan Privasi
- 10 Polisi dan Garis Panduan Keselamatan, Kesihatan Pekerjaan dan Tempat Kerja

4. ASET

- 11 Polisi dan Garis Panduan Pengurusan Maklumat
- 12 Polisi dan Garis Panduan Pencegahan Pengubahan Wang Haram



HUBUNGI KAMI

CHAROEN POKPHAND GROUP

Sustainability, Good Governance and
Corporate Communications Office
Good Governance Department

Tel : +66 2 858 1229

goodgovernance@cp.co.th

www.cpgroupglobal.com/governance

SURAT PENGAKUAN DAN KEPATUHAN

Tarikh / Bulan / Tahun

Encik/Puan/Cik

Kod Warga kerja

Jawatan

Bahagian

Jabatan

Pejabat

Syarikat

mengakui bahawa saya menyedari dan bersetuju untuk mematuhi "Tatakelakuan".
Saya memahami bahawa jika saya gagal mematuhi Tatakelakuan ini, kegagalan
saya akan ditangani dan saya mungkin dikenakan tindakan tatatertib.

Ditandatangani

Jawatan

Penyelia





Charoen Pokphand Group